

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' MOHD AZIS BIN JAMMAN  
(SEPANGGAR)**

**TARIKH : 25 OGOS 2020**

**SOALAN**

**DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN [ SEPANGGAR ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional memberi peluang berkali-kali kepada PATI untuk diputihkan (rehiring) dan bekerja secara sah di Malaysia seperti "moving goal post" sedangkan kadar pengangguran di Malaysia kian meningkat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan tidak melaksanakan sebarang program pemutihan memandangkan peluang kepada Majikan untuk menggaji pekerja asing melalui platform sedia ada adalah terbuka luas dengan kemudahan permohonan secara dalam talian (*online*) di Sistem Permohonan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx). Kadar bayaran juga telah ditetapkan secara telus seperti levi, pemeriksaan kesihatan dan sebagainya yang sentiasa dipantau oleh Kerajaan.

Sehubungan itu, Kerajaan berpendirian tegas untuk tidak berkompromi dengan mana-mana pihak yang ingkar dalam mematuhi undang-undang negara, termasuk para majikan yang menggaji Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).